

'Cungkil bakat sukan kanak-kanak OKU'

B.H 24/09/08 MS9

Masyarakat diseru bantu tambah atlit kurang upaya

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Siti Fatimah Mohamed Anwar
bhnews@bharian.com.my

SUNGAI PETANI: Program pembangunan sukan kanak-kanak orang kurang upaya (OKU) boleh diketengahkan sekiranya bakat golongan istimewa itu dicungkil menerusi pelbagai program kesukanan yang berkesan.

Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Datin Seri Jeanne Abdullah, berkata program pemantapan pembangunan sukan OKU yang bakal dirangka Majlis Sukan Negara (MSN) mampu membuka peluang kepada mereka mengambil bahagian dalam pelbagai acara sukan.

"Malah, mereka yang mengalami kecacatan akibat

bermain mercurun atau merempit, juga jika bakat sukan yang ada pada mereka diketengahkan boleh menyinar dalam persada sukan paralimpik.

"Saya baru pulang dari Beijing selepas menyaksikan Sukan Paralimpik dan bangga dengan kesungguhan dipamerkan 14 atlit Malaysia yang menyertai kejohanan itu termasuk membawa pu-

“Masyarakat boleh sama-sama membantu negara meramaikan atlit OKU yang berbakat untuk diketengahkan dalam kejohanan antarabangsa”

Jeanne Abdullah
Yang Dipertua Bakti

lang pingat.

"Justeru, masyarakat boleh sama-sama membantu negara meramaikan atlit OKU yang berbakat untuk diketengahkan dalam kejohanan antarabangsa," katanya berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri Program Semai Bakti Kedah di sini, semalam.

Seramai 300 OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kuala Muda menerima sumbangan duit, kuih, baju raya dan kelengkapan sekolah.

Sementara itu, pada majlis berasingan di Kepala Batas, Jeanne meminta ibu bapa yang mempunyai anak OKU menghantar mereka mengikuti program pemulihan.

Katanya, ada ibu bapa mempunyai tanggapan negatif jika menghantar anak mereka mengikuti program pemulihan, sebaliknya lebih re-



JEANNE beramah mesra dengan kanak-kanak kurang upaya Siti Sarah Abu Hassan pada majlis penyampaian sumbangan hari raya kepada OKU di Kepala Batas, semalam.

la 'menyembunyikannya' di rumah.

"Ibu bapa harus memikirkan masa depan anak mereka. Dengan menghantar mengikuti program pemulihan, kanak-kanak terabit boleh mempelajari pelbagai kemahiran dengan bantuan pakar terutama untuk me-

nguruskan diri sendiri," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian sumbangan Aidilfitri Program Semai Bakti kepada OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Permatang Baiduri di Permatang Bendahari, Kepala Batas.